

26/09/2001

Pakej baru diyakini berkesan

Nor Liza Ahmad

PAKEJ rangsangan fiskal terbaru yang diumumkan Perdana Menteri semalam, mampu menggiatkan kegiatan ekonomi secara berkesan untuk menampung kelembapan pasaran eksport kerana ia membabitkan pelbagai projek jangka pendek.

Timbalan Ketua Pengarah Institut Kajian Antarabangsa dan Strategik (Isis), Datuk Dr Zainal Aznam Yusof, berkata, pakej rangsangan itu berjaya menepati matlamatnya jika ia digunakan sepenuhnya dalam tempoh yang ditetapkan.

"Oleh kerana pakej rangsangan itu membabitkan projek yang tempoh pelaksanaannya singkat malah ada yang serta-merta, ia dijangka berupaya menjuruskan pertumbuhan ekonomi Malaysia kepada angka positif tahun ini.

"Ia adalah amat bertepatan. Dalam keadaan sekarang, Malaysia memerlukan penjana yang berkesan," katanya ketika dihubungi Berita Harian di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau diminta mengulas mengenai pakej rangsangan ekonomi bernilai RM4.3 bilion yang diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pakej rangsangan tambahan itu meliputi skop yang menyeluruh daripada pembangunan projek prasarana, pendidikan, pembiayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) hingga kebajikan masyarakat.

Daripada peruntukan itu, RM300 juta akan digunakan untuk menaik taraf dan kerja penyenggaraan bangunan kerajaan, kuarters serta kemudahan terutama sekolah, balai polis dan prasarana luar bandar.

Sebanyak RM300 juta akan disalurkan bagi membina makmal komputer di 2,000 sekolah; RM150 juta untuk membayar elaun bulanan sementara RM500 bagi 10,000 pemegang ijazah dan diploma untuk mempelajari IT, matematik dan bahasa; RM150 juta melatih pekerja yang diberhentikan; manakala RM110 juga bagi menggalakkan pelancongan.

Dr Mahathir berkata, di samping langkah itu yang bernilai RM2.5 bilion, strategi lain dalam pakej RM4.3 bilion itu akan diumumkan dalam Belanjawan 2002 pada 19 Oktober depan.

Firma kewangan antarabangsa, JP Morgan dalam laporannya baru-baru ini berkata, Malaysia dapat memulihkan ekonominya dengan cepat daripada krisis kewangan 1997 kerana keberkesanan langkah rangsangan ekonominya.

Ia berikutan kesan penggandaan perbelanjaan kerajaan yang tinggi di negara ini. Membandingkan kesan penggandaan perbelanjaan kerajaan di Singapura dan negara ini, JP Morgan berkata, ia adalah 1.2 bagi Malaysia dan hanya 0.65 di Singapura.

Sementara itu, Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) turut menyambut baik pakej rangsangan itu dan menganggapnya sebagai berada dalam landasan betul bagi melindungi ekonomi negara daripada tekanan luar.

Setiausaha Agung PKMM, Datuk Jamaludin Abdul Rahim, berkata pakej rangsangan itu sekali gus memberi ruang kepada kontraktor Bumiputera untuk terus bergiat cergas dalam kegiatan pembangunan negara.

"Sebahagian besar daripada kegiatan kami adalah bergantung kepada projek kerajaan," katanya sambil menambah PKMM kini dianggotai 8,000 ahli daripada pelbagai kelas.

Beliau berkata, peruntukan khusus untuk menaik taraf dan menyenggara bangunan serta prasarana luar bandar akan memastikan kontraktor Melayu terus bergiat aktif dalam sektor pembinaan negara.

(END)